


**Bahagian A**  
[40 markah]  
Jawab **semua** soalan.

1 Bidang sains dan teknologi berkembang dalam tamadun Yunani, Rom, India dan China.



(a) Konsep keseimbangan di atas diperkenalkan oleh masyarakat tamadun China. Apakah **X** dan **Y**?

**X** : .....

**Y** : .....

[2 markah]

(b) Masyarakat tamadun tersebut berjaya kerana menghasilkan pelbagai teknologi yang berkembang maju pada zaman itu. Berikan sebab perkembangan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Kehidupan manusia pada masa ini menerima kesan daripada perkembangan sains dan teknologi tamadun terdahulu. Buktikan kesan-kesan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

2 Gambar berikut merujuk kesibukan yang berlaku di pelabuhan Melaka abad ke-15.



(a) Apakah faktor yang menyebabkan pelabuhan Melaka menjadi pusat perdagangan di Kepulauan Melayu?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Islam juga telah mempengaruhi amalan ekonomi masyarakat Melayu tradisional. Buktikan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Apakah peranan anda untuk memastikan ekonomi negara kita dapat ditingkatkan?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

3 Sistem Ahli yang dilaksanakan dari Januari 1951 hingga Jun 1955 mendapat sokongan daripada penduduk Tanah Melayu.

(a) Namakan tokoh tempatan yang terlibat dalam Sistem Ahli.

.....  
[1 Markah]

(b) Mengapakah Majlis Raja-Raja Melayu dan wakil penduduk bersetuju menerima Sistem Ahli?

.....  
.....  
[1 Markah]

(c) Jelaskan ciri-ciri Sistem Ahli.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
[4 Markah]

(d) Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada penduduk Tanah Melayu?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
[4 Markah]

4 Sistem Raja Berperlembagaan yang diterajui oleh Yang di-Pertuan Agong merupakan tonggak keagungan kerajaan Malaysia sejak merdeka hingga kini.

(a) Bagaimanakah Yang di-Pertuan Agong dipilih?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

(c) Jelaskan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong mengikut Perlembagaan Malaysia.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]


(d) Yang di-Pertuan Agong merupakan simbol perpaduan rakyat di negara kita. Jelaskan pernyataan tersebut.

.....  
.....  
.....

[2 markah]

**Bahagian B**  
[60 Markah]  
Jawab **tiga** soalan.

5 Peta berikut merujuk lokasi pembentukan tamadun awal manusia di dunia.



- (a) Mengapakah lokasi tamadun awal manusia bermula di lembah-lembah sungai?  
[4 markah]
- (b) Jelaskan sumbangan tamadun awal kepada peradaban manusia di dunia hari ini.  
[8 markah]
- (c) Bagaimanakah generasi muda hari ini dapat mengambil iktibar daripada tamadun awal untuk kegemilangan negara Malaysia?  
[8 markah]

6 Kerajaan agraria ialah kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian yang terbentuk di kawasan subur seperti di lembah sungai.

- (a) Apakah kegiatan masyarakat agraria selain daripada menjalankan aktiviti menanam padi?  
[4 markah]
- (b) Apakah faktor yang mempengaruhi perkembangan kegiatan ekonomi kerajaan agraria?  
[4 markah]
- (c) Jelaskan sumbangan kerajaan agraria kepada tamadun awal di Asia Tenggara.  
[6 markah]
- (d) Wajarkah Malaysia memberi keutamaan dalam kegiatan pertanian?  
Jelaskan pendirian anda.  
[6 markah]

7 Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani pada tahun 628M bersamaan 6H antara pihak Islam dengan orang Arab Quraisy. Kesan perjanjian ini juga membawa kepada pembukaan semula kota Makkah.

(a) Uthman bin Affan telah dihantar ke Makkah untuk berunding dengan pihak Quraisy kerana sifatnya yang lemah lembut dan mempunyai ramai saudara di Makkah.

Terangkan peristiwa penting yang membawa kepada termeterainya Perjanjian Hudaibiyah.

[4 markah]

(b) Perjanjian Hudaibiyah sangat penting kepada umat Islam. Jelaskan.

[4 markah]

(c) Pembukaan semula kota Makkah sangat penting dalam sejarah penyebaran Islam. Jelaskan kepentingan itu.

[6 markah]

(d) Islam tidak berkembang secara paksaan atau melalui peperangan tetapi perkembangannya adalah secara suka rela. Berikan hujah anda.

[6 markah]

8 Gambar berikut merujuk suasana penyelewengan yang dilakukan oleh pihak gereja semasa Zaman Gelap yang membawa kepada kesedaran masyarakat di Eropah. Kesannya, lahirlah Zaman Renaissance yang berjaya membawa keluar masyarakat Eropah dari Zaman Gelap.



(a) Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Gelap?

[4 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah.

[6 markah]

(c) Apakah ciri-ciri persamaan antara feudalisme di Eropah dengan ciri-ciri yang terdapat dalam masyarakat Melayu tradisional?

[4 markah]

(d) Apakah usaha-usaha yang perlu diambil untuk mengelakkan negara daripada mengalami Zaman Gelap?

[6 markah]

9 Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Sahabat Pena Malaysia merupakan persatuan Melayu yang aktif memperjuangkan kepentingan dan mengukuhkan perpaduan orang Melayu.

(a) Terangkan ciri-ciri setiap persatuan tersebut.

[4 markah]

(b) Kongres Melayu yang diadakan pada tahun 1939 dan 1940 merupakan kemuncak kesedaran kebangsaan orang Melayu. Buktikan pernyataan ini.

[4 markah]

(c) Mengapakah kegiatan berpersatuan penting kepada pelajar?

[6 markah]

(d) Terdapat segelintir pelajar yang tidak berminat menyertai kegiatan persatuan atau kokurikulum.

Pada pendapat anda, mengapakah keadaan tersebut berlaku?  
Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah tersebut.

[6 markah]

10 Gambar berikut merujuk Universiti Kebangsaan Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1977 dalam usaha memartabatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.



(a) Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Apakah istimewanya bahasa Melayu?

[4 markah]

- (b) Penyalahgunaan bahasa dalam kalangan masyarakat moden hari ini memberi kesan kepada kedudukan bahasa Melayu.



Jelaskan pernyataan tersebut.

Cadangkan langkah memartabatkan semula penggunaan bahasa Melayu.

[6 markah]

- (c) Adakah penggunaan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris mampu mengancam kedudukan bahasa Melayu?

Beri hujah anda.

[6 markah]

- (d) Di peringkat sekolah menengah hari ini, bahasa Melayu merupakan subjek wajib lulus dalam peperiksaan SPM.

Mengapakah ramai kalangan pelajar warganegara Malaysia gagal dalam subjek ini?

[4 markah]



11 Gambar berikut menunjukkan Menteri-Menteri Luar dalam Persidangan Pertubuhan Islam (OIC).



- (a) Nyatakan latar belakang penubuhan Pertubuhan Persidangan Islam OIC. [2 markah]
- (b) Apakah peranan Malaysia dalam pertubuhan OIC ini sejak ditubuhkan? [6 markah]
- (c) Apakah faedah yang telah Malaysia perolehi semasa menjadi ahli pertubuhan OIC? [6 markah]
- (d) Cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh OIC untuk mengelakkan berlakunya peperangan di Timur Tengah. [6 markah]

**SOALAN TAMAT**